

R GB 16-07 00168 BA609

Bah

Mahathir - Kilang

SHAH ALAM, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata pembukaan kilang enjin dan transmisi Proton merupakan satu detik bersejarah ke arah mewujudkan pengeluaran komponen penting yang memerlukan kecekapan dan teknologi tinggi.

Katanya, dengan memperkenalkan cabang industri penting itu, yang membabitkan modal begitu besar, Malaysia akan dapat menguasai bidang pemesanan, satu lagi kecekapan yang penting dalam proses industrialisasi.

Kejayaan itu akan membolehkan negara ini maju ke arah kecekapan membabitkan penuangan dan penempaan, yang merupakan dua proses asas yang akan melengkapkan bidang pengeluaran dan kejuruteraan, kata beliau.

Selepas itu, Malaysia akan mampu mengeluarkan semua barangan kejuruteranya sendiri, kata beliau ketika berucap melancarkan kereta Proton Saga yang ke-300,000 unit dan pembukaan kilang enjin dan transmisi Proton di sini, hari ini.

Beliau yakin kedua-dua proses itu akan menjadi lebih berdaya maju setelah Malaysia berupaya mencapai jumlah pengeluaran yang besar walaupun ketika ini industri tempaan dan penuangan masih belum begitu maju. -- Lagi.

♥16/07/14-33MST

R GB 16-07 00169 BA610

Bah

Mahathir - Kilang 2 Shah Alam

Beliau berkata, akan terus memberi galakan bagi membantu pembangunan projek-projek strategik seumpama itu serta industri sokongan lain seperti pembuatan acuan.

Perdana Menteri berkata, pada peringkat awal, Malaysia perlu mendapatkan teknologi asing serta mengadakan program latihan dan perjanjian teknikal.

Usaha itu perlu bagi memperluaskan daya pengeluaran serta lebih maju dalam sistem dan teknik pembuatan sebagai langkah awal mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Datuk Seri Dr Mahathir menggesa pengusaha tempatan dan pelbur asing supaya sama-sama memastikan kejayaan sektor itu kerana pemindahan teknologi tidak akan berlaku jika semua pihak terbabit tidak bersungguh-sungguh mempelajari teknologi yang hendak dipindahkan.

Pada perasmian itu juga Perdana Menteri menanam sebatang pokok kayu manis di kawasan kilang itu sebelum melawat ke semua bahagian pengeluaran.

Beliau diringi oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidan Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. -- Bernama.

♥16/07/14-34MST